

Sebahagian gadis peranakan Cina menggayakan busana potong kot yang dijahit Kim.


[TO SHAHIRAH ABDULLAH / BH]

Lina Abu Bakar
bh.com.my

Eskepun pakar kebaya, Wee Beng Kim sudah tiada, beliau meninggalkan warisan estetika bernilai itu baju kaum peranakan anu yang dikenali sebagai potong kot.

Rasulan busana potong kot ukur kesabaran, minat elitian yang cukup tinggi. Ia yang dikenali sebat Kim mula menghasilkan potong kot sejak berusia 1 dan kini 300 baju jenis itu dipamerkan di Rumah Warisan, Kampung Cina, Kuala Lumpur.

Dalam hayat, Kim tidak jemu menghasilkan baju kot kerana tidak mahu im peranakan di negeri dia ditelan zaman. Yang dihasilkannya juga iyi kehalusan dan keindulaman tersendiri pada



bahagian hujung depan baju dan lengannya.

Selain menggunakan kain kasa rubia, kebanyakannya rekaan baju oleh Kim dibuat labuh hingga paras paha dan mengunjur ke depan.

Potonganannya yang singkat itu tampak indah apabila disesuaikan dengan sarung batik atau songket.

Berkongsi keunikan fesyen kaum peranakan itu, anak sulung Kim, Tan Teng Hong, 65, berkata beliau mengagumi ketekunan ibunya menghasilkan baju potong kot itu.

"Keteklian ibu secara tidak langsung dapat menghasilkan sesuatu yang menarik, cantik dan indah."

"Tidak hairanlah baju potong kot ibu saya terkenal dengan kehalusannya. Dia banyak menghabiskan masa mengkaji corak sulaman sejak kanak-kanak."

"Ibu juga tidak kisah menghasilkan corak yang sukar kerana dia sangat gembira dapat memperbaiki sesuatu yang baharu dan lebih menarik," katanya.

Koleksi tidak dijual

Teng Hong berkata, kecintaan ibunya terhadap sulaman baju potong kot bermula selepas melihat sulaman pada sapu tangan dan pakaian dalam wanita untuk golongan bangsawan yang diimport dari China ketika usia remajanya.

"Jahitan dan sulaman juga dapat dilihat melalui kesungguhannya menjahit dan menyulam pakaian pada minggu terakhir hayatnya," katanya.



» **300 koleksi milik Auntie Kim dipamer di Rumah Warisan, Kampung Cina, Kuala Terengganu**



Busana potong kot terkenal sejak 1940.

Gambar kenangan Kim menjahit busana potong kot menggunakan mesin jahit kesayangannya.

“Masyarakat terutama golongan muda juga dapat mengenali perubahan fesyen kebaya dan mengimbau cara orang dulu berpakaian”

Tan Teng Hong,
Anak

Keunikan kebaya potong kot

Teng Hong berkata, 300 potong kot yang dihasilkan ibu itu tidak akan dijual.

"Bagaimanapun, ia dipamer di Rumah Warisan di lot 84, 88, Kampung Cina," katanya.

Beliau berterima kasih kepada kerajaan negeri Terengganu rana meluluskan dana untuk memperbaharui Rumah Warisan galangan ibunya yang sudah berusia 150 tahun itu.

"Ia secara tidak langsung mendekati rumah ini sebagai kawasan pameran kebaya dan barang antik peninggalan ibu saya."

"Dengan adanya usaha semula, segala khazanah lama ada di Kampung Cina dapat dilestarikan dengan lebih baik."

"Masyarakat terutama golongan muda juga dapat mengenali perubahan fesyen kebaya dan mengimbau cara orang dulu berpakaian katanya."

Harga cecah ribuan ringgit
Sementara itu, Setiausaha Kop Kampung Cina, Kuala Terengganu Berhad, Yap Chuan Bin, berbaju potong kot menjadi pernak anak wanita kaum peranakan Terengganu yang dipanggil (bagi golongan muda) dan Mek (kalangan ibu) dalam urusan harian.

"Usaha Kim harus dipelihara kerana baju ini mempunyai nilai tersendiri dan menjadi saran yang boleh dibanggakan kepada peranakan."

"Baju potong kot yang dipamer di Rumah Warisan ini berada dalam keadaan baik terjaga. Ini menunjukkan bahawa yang digunakan pada era 30-an adalah bahan yang berkualiti tinggi."

"Tidak hairanlah harga mencapai RM30 ketika itu 30-an. Saya juga percaya nilai potong kot ini boleh mencapai ribuan ringgit kerana bukan reka bentuknya yang menarik, tetapi nilai material yang terdapat dalamannya," katanya.